

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini menyediakan beberapa maklumat penting mengenai Insurans Liabiliti Majikan anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda juga harus membacanya.**

Tarikh:

1 Apa itu Insurans Liabiliti Majikan?

Polisi Liabiliti Majikan ini melindungi anda sebagai seorang majikan kerana anda mungkin menanggung risiko disaman oleh pekerja-pekerja yang tidak dilindungi oleh Akta Pampasan Pekerja 1952 atau Pertubuhan Keselamatan Sosial ("PERKESO").

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan pembayaran RM2,500.00 setahun, anda menerima **perlindungan** berikut:

Polisi ini melindungi:	Polisi ini tidak melindungi:
Anda terhadap liabiliti anda dari segi undang-undang untuk membayar pampasan dan kos dan pembelanjaan kepada pekerja-pekerja anda berhubungan dengan kecederaan badan akibat kemalangan atau penyakit yang berlaku akibat atau semasa tempoh pekerjaan mereka. Had undang-undang umum (<i>common law</i>) yang standard ialah RM1,000,000.	- Liabiliti tertanggung oleh perjanjian - Risiko perang dan tindakan keganasan - Risiko radioaktif dan tenaga nuklear - Tuntutan yang timbul daripada Asbestos
Tempoh perlindungan adalah satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.	
Sebagai contoh, anda mungkin mempunyai liabiliti terhadap pekerja-pekerja anda kerana: - Kecuaian peribadi - Gagal menyediakan tempat bekerja dan sistem bekerja yang selamat - Gagal memberi perhatian yang munasabah dalam pengambilan pekerja yang mahir - Gagal menyediakan mesin yang sesuai dan memastikan ia berfungsi dengan baik	
Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi anda untuk butiran lengkap mengenai apa yang dilindungi dan tidak dilindungi.	

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai Insurans Liabiliti Majikan kami, anda boleh:



Hubungi kami di
1 300 22 5542



Lawati kami di
<https://www.allianz.com.my/EL>



Emel kami di
customer.service@allianz.com.my



Imbas kod QR
diatas

3

Ketahui Kewajipan Anda

Jumlah premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung pada keperluan pengunderaitan Allianz. Untuk tujuan ilustrasi, andaikan pihak diinsurankan ialah syarikat perkilangan yang mempunyai 150 pekerja dengan jumlah gaji tahunan RM5,000,000. Untuk had common law sebanyak RM1,000,000 mana-mana satu kejadian dan secara agregat, premium yang perlu dibayar adalah seperti berikut:-

Untuk polisi insurans ini, anda mesti membayar premium:

Premium asas	RM2,500.00
Di mana ini termasuk:	
Komisen	25% daripada premium atau RM625.00
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium atau RM200.00
Duti Setem	RM10.00

* Amaun Cukai Perkhidmatan ("CP") di sini mungkin tertakluk kepada perubahan kerana kadar CP yang digunakan hendaklah berdasarkan kadar semasa mengikut undang-undang Malaysia.

4

Syarat Utama Lain

- Kewajipan penzahiran pra-kontrak bagi kontrak insurans bukan pengguna (menurut Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013):
 - Sekiranya anda memohon insurans berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mesti mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan.
 - Jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.
 - Jika sebarang maklumat yang telah diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah selepas kontrak insuran dibuat, diubah atau diperbaharui oleh Allianz, anda mempunyai kewajipan untuk memaklumkan kepada Allianz dengan segera.
- Anda harus mengekalkan rekod setiap pekerja dengan baik dan menyatakan gaji dan pendapatan mereka dengan jujur, jika tidak, syarat purata dalam polisi ini akan dikenakan jika berlakunya tuntutan.
- Anda tidak harus mengakui, menawarkan, menjanjikan atau membayar kepada pihak menuntut tanpa kebenaran bertulis daripada kami.
- Perlindungan di bawah polisi ini tertakluk kepada bidang kuasa Malaysia sahaja.
- Anda dikehendaki memberitahu ejen insurans anda secara bertulis apa-apa perubahan penting semasa dalam tempoh insurans supaya perubahan yang sepatutnya boleh diendors ke atas polisi anda.
- 60 hari Warranti Premium – sdf Premium mesti dibayar dan diterima oleh Allianz dalam tempoh 60 hari dari tarikh permulaan polisi. Jika tidak, polisi ini terbatal secara automatik dan Allianz berhak menerima premium pro-rata 60 hari bagi tempoh Alliana menanggung risiko di bawah polisi ini.

?

Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan premium selepas ditolak premium berdasarkan kadar tempoh singkat bagi tempoh polisi yang telah berkuatkuasa dengan syarat tiada tuntutan atau notis yang mungkin menimbulkan sebarang tuntutan sebelum tarikh penamatan polisi.